

Kesan buruk membeli-belah dalam talian

SAUDARA PENGARANG,

WUJUD trend terkini dalam kalangan rakyat Malaysia untuk membeli-belah dalam talian kerana kaedah itu membolehkan mereka mendapatkan barangan yang diinginkan tanpa perlu ke pasar raya.

Namun, tanpa kita sedari tabiat terbaharu itu boleh menjejaskan alam sekitar. Perkara itu diakui sendiri oleh Menteri Alam Sekitar Jerman, Barbara Hendricks yang pernah membuat kenyataan dalam akhbar negara berkenaan dengan menegaskan beliau enggan membeli apa-apa barangan menerusi internet kerana langkah itu akan menyebabkan sisa bungkusan barangan menjadi terlalu banyak.

Semakin banyak barangan yang dipesan dalam talian, semakin banyak bungkusan menjadi bahan buangan. Ini berlaku apabila pengguna ingin barangan yang diterima mereka berada dalam keadaan cantik dan selamat. Maka pembungkusan secara berlebihan telah dilakukan oleh peniaga.

Selain itu, pelepasan asap kenderaan yang menyumbang kepada pemanasan global juga semakin banyak apabila barangan yang dipesan dihantar secara terus kepada pengguna. Trend membeli-belah dalam talian yang semakin meningkat akan menyebabkan syarikat penghantaran perlu menambah jumlah kenderaan bagi membolehkan barangan dihantar dengan tepat dan pada



MINAT rakyat Malaysia untuk membeli-belah dalam talian boleh menjejaskan alam sekitar. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

70% rakyat Malaysia beli-belah dalam talian

KUALA LUMPUR 19 Jun - Lebih 70 peratus rakyat Malaysia didapati lebih cenderung membeli-belah dalam talian sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini di samping kos hidup yang semakin meningkat, menurut kaji selidik Lazada Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Lazada Malaysia, Hans Peter Bernd berkata, kaedah yang dilakukan pada perayaan Ramadan merupakan 70 peratus penduduk Malaysia memulakan peningkatan dalam pembelian barangan dalam talian pada tahun 2016.



HANS PETER

Walaupun begitu katanya, rakyat Malaysia lebih berminat untuk membeli-belah barangan keperluan harian dengan 66 peratus menyatakan peningkatan kos hidup merupakan faktor utama kepada peralihan ke talian. Bernd berkata, pembeli-belah dalam talian membolehkan rakyat Malaysia memulakan pembelian Aidilfitri dengan mudah pada harga yang lebih rendah.

"Sebenarnya, pembelian barangan keperluan harian seperti makanan dan minuman dalam talian lebih mudah kerana pengguna tidak perlu keluar rumah untuk membeli-belah. Ini juga dapat mengelakkan pengguna membeli makanan sejuk beku yang sudah siap diproses. Ini juga dapat mengelakkan pengguna membeli makanan sejuk beku yang menggunakan 10 kali ganda lebih tenaga untuk dihasilkan.

Sekiranya pengguna ingin membeli dalam talian, barangan buatan Malaysia perlu diutamakan kerana langkah itu mampu menjimatkan bahan api dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida yang dikeluarkan kenderaan semasa proses penghantaran terutama yang melibatkan kapal dan kapal terbang.

Selain itu, Bernd berkata, pengguna juga dapat mengelakkan pembelian barangan yang tidak diperlukan kerana mereka dapat melihat gambar dan ulasan pengguna sebelum membeli. Ini dapat mengelakkan pembelian barangan yang tidak diperlukan.

sebagai pakaian dan aksesori untuk hari raya ini, manakala 75 peratus lagi memulakan pembelian barangan keperluan harian seperti makanan dan minuman dalam talian. Bernd berkata, Lazada juga telah melancarkan program 'Buy 1 Get 1' untuk pengguna Lazada yang membeli barangan keperluan harian seperti makanan dan minuman dalam talian.

sejak 19 Mei sehingga 30 Jun ini dengan potongan harga sehingga 50 peratus untuk pengguna barangan keperluan harian seperti makanan, minuman dan lain-lain.

KERATAN Utusan Malaysia 20 Jun 2017.

Sebagai peniaga pula, kita boleh menggunakan bahan kitar semula bagi membungkus barangan. Adalah lebih baik peniaga menggalakkan pengguna membuat pembelian barang secara pukal bagi mengelak syarikat penghantaran terpaksa berulang-alik menghantar barangan.

Penjagaan alam sekitar yang lestari memerlukan

kesedaran daripada semua pihak termasuk diri kita sendiri. Tidak perlulah kita menuding jari mencari kesalahan pihak lain sekiranya diri sendiri tidak mampu mempraktikkan amalan mudah bagi menjaga alam sekitar.

Sudah tiba masanya kita sebagai penghuni bumi mengubah sikap tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar supaya alam semula jadi yang ada sekarang dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

NURNAZURAH NAZARLY
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Kaedah kurangkan kos kelengkapan sekolah

SAUDARA PENGARANG,

MENJELANG sesi baharu persekolahan, kita sentiasa mendengar rintihan rakyat yang terbelan dengan kos kelengkapan sekolah anak-anak yang begitu tinggi. Antaranya, pakaian seragam sekolah. Golongan paling terkesan sudah pasti mereka yang berpendapatan rendah.

Pelbagai alasan diberikan oleh pihak peniaga termasuk faktor cukai barangan dan perkhidmatan (GST) apabila berlakunya kenaikan harga kelengkapan sekolah saban tahun. Sehubungan itu, kita perlu mencari jalan agar golongan berpendapatan rendah tidak terus terbelan dengan keadaan tersebut.

Cuma apa yang agak menarik dalam pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ada menekankan tentang prinsip maqasid syariah. Dengan mengambil semangat bajet tersebut saya syorkan agar kita mencari kaedah paling berkesan melalui satu program khas untuk memastikan kos perbelanjaan kelengkapan sekolah dapat dikurangkan.

Objektif program khas ini adalah untuk menyediakan pakaian seragam sekolah berkualiti tetapi boleh dibeli pada harga kos. Untuk menjayakannya saya mencadangkan pusat-pusat latihan sedia ada seperti Pusat Latihan Kemahiran GiatMara, Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) digunakan secara optimum untuk membuat

dan menjual pakaian seragam sekolah.

Ini kerana pusat-pusat kemahiran itu mempunyai prasarana untuk menglasakan pakaian sekolah dalam kuantiti yang banyak. Antara mereka yang terlibat ialah tenaga pengajar dan pelatih yang mengikuti latihan jalutan. Ini sekali gus akan meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam bidang itu.

Pihak lembaga zakat pula boleh bekerjasama dengan pusat-pusat kemahiran terbabit untuk menampung kos latihan bagi membolehkan para asnaf membuat pakaian seragam yang berkualiti dengan kos yang minimum. Langkah ini juga bertepatan dengan prinsip maqasid syariah.

Pihak korporat juga boleh memainkan peranan dengan memberikan sumbangan wang serta berkongsi kepakaran untuk pengeluaran produk kelengkapan sekolah mampu milik dan berkualiti. Saya percaya sekiranya setiap inisiatif ini berjaya, tidak mustahil golongan berpendapatan rendah akan mendapat manfaat sepenuhnya.

Oleh itu, sudah sampai masanya semua agensi, segala sumber dan kemudahan yang ada digunakan secara maksimum dalam usaha kita membantu golongan sasaran agar kos perbelanjaan untuk membeli barangan sekolah anak-anak dapat dikurangkan.

AHMAD BUKHARI A. LATIP
Hulu Lenggoh, Selangor